

# Polisi Anti-Rasuah TNBR

TNB Research Sdn. Bhd. (TNBR) komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang profesional, adil dan telus dengan standard etika tertinggi dalam semua operasi perniagaan dengan mengguna pakai Polisi Anti-Rasuah TNB. TNBR telah mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan dalam menggalakkan integriti dan tadbir urus yang baik seperti berikut:

- a) Melarang Pengarah, pekerja dan rakan perniagaannya daripada meminta dan menawarkan rasuah atau sebarang bentuk rasuah yang lain.
- b) Anti-Rasuah adalah wajar dalam mencapai objektif strategik TNBR.
- c) Sistem Pengurusan Anti-Rasuah menyediakan rangka kerja untuk menetapkan, menyemak dan mencapai objektif antirasuah.
- d) Semua pekerja hendaklah komited untuk memenuhi keperluan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah.
- e) Semua pekerja hendaklah komited dengan Polisi Hadiah, Hospitaliti & Faedah Berkaitan TNB.
- f) Menggalakkan pekerja dan rakan perniagaan untuk mengemukakan aduan atau melaporkan aktiviti yang disyaki berunsur rasuah melalui Saluran Pemberi Maklumat TNB/TNBR.
- g) Pengurusan TNBR komited untuk melaksanakan kawalan dan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Anti-Rasuah.
- h) Pegawai Integriti bertanggungjawab memantau pematuhan dan melaksanakan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah yang berkesan.
- i) Sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran tidak akan diterima oleh TNBR mengikut dasar, prosedur, arahan dan garis panduan yang boleh mengakibatkan tindakan tatatertib atau memulakan prosiding undang-undang kepada yang terlibat.

Polisi ini terpakai kepada semua pekerja, rakan perniagaan, Pengarah TNBR dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak atau atas nama TNBR, termasuk ejen, wakil, rakan usahasama dan pengantara lain, dikehendaki bertindak secara konsisten dengan Polisi Anti-Rasuah TNBR.

**“BETTER. BRIGHTER.”**



**DR. MOHD HARIFFIN BOOSROH**

**Pengarah Urusan**

**TNB Research Sdn Bhd**

**22 Mac 2022**